

Tingkat keupayaan graduan

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN

SERDANG 27 Julai – Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, tiga perubahan penting perlu dilakukan bagi memastikan graduan-graduan universiti tempatan berdaya saing dan mampu menembusi pasaran pekerjaan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, perubahan pertama ialah perubahan kerangka minda dan sikap pelajar agar dapat memupuk pemikiran yang dominan dan membentuk imej yang kental.

“Kedua, memperkasakan kurikulum universiti agar ia relevan dengan kehendak pasaran dan menumpu kepada pembentukan ciri-ciri unggul dalam diri graduan.

“Ketiga, pengukuhan kerjasama antara semua institusi pengajian tinggi (IPT) da-

IPT perlu bersedia melahirkan graduan yang sanggup menghadapi cabaran era globalisasi yang membawa perubahan kepada struktur ekonomi, gaya hidup dan pilihan pekerjaan

lam semua bidang, termasuk kepakaran dan pengalaman, bagi membolehkan mereka bersaing di persada antarabangsa,” katanya ketika merasmikan Karnival Kerjaya Kebangsaan 2007 di Universiti Putra Malaysia di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed.

Karnival tersebut yang akan berlangsung sehingga Ahad ini menghimpunkan 100 syarikat dengan 7,000 tawaran pekerjaan dan sehingga semalam ia telah pun dikunjungi 10,000 orang.

Najib berkata, IPT perlu bersedia melahirkan graduan yang sanggup menghadapi cabaran era globalisasi yang membawa perubahan kepada struktur ekonomi, gaya hidup dan pilihan pekerjaan.

“IPT perlu melihat kepada perubahan yang berlaku. Konsep lama jangan dipertahankan, ganti dengan yang baru dan sesuaikan dengan perubahan semasa,” katanya.

Beliau menambah, hubungan rapat antara IPT dan industri juga perlu diperhebatkan dalam segala aspek termasuk kuri-

kulum, peluang latihan amali dan penyelidikan serta pembangunan.

“IPT tidak boleh ada sifat eksklusif. Jangan fikir kurikulum hanya di bawah kuasa IPT. Industri juga boleh membantu merangka kurikulum agar ia relevan kepada kehendak pasaran,” kata Timbalan Perdana Menteri.

Pada sidang akhbar selepas majlis perasmian program itu, beliau berkata, rangka tindakan bagi pelan pengajian tinggi negara di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan sememangnya menjurus ke arah pembentukan graduan berkualiti tinggi bagi meningkatkan daya saing negara.

Ditanya mengenai kadar pengangguran siswazah di negara ini, beliau berkata, statistik yang ada tidak tepat kerana kadar pengangguran bergantung kepada tempoh ia direkodkan.

UM- 28/7/2007

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan Perdana Menteri